



MOD.100-2/1/2 Jld 7 ( ) 03/05

## LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN KE KEM SUNGAI UDANG PERKASA KESEJAHTERAAN WARGA GERUP GERAK KHAS

1. **MELAKA, 11 Mei 2026** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari telah mengadakan Lawatan Kerja sehari ke Kem Sungai Udang hari ini bagi melihat secara langsung tahap keupayaan pengoperasian Pusat Latihan Peperangan Khusus (PULPAK).
2. Semasa lawatan, YB Timbalan Menteri Pertahanan diberi taklimat tahap kesiagaan taktikal, fungsi dan peranan Gerup Gerak Khas (GGK) serta modul latihan yang terdapat di PULPAK. Selain itu, YB Timbalan Menteri Pertahanan turut meninjau dengan lebih dekat lagi fasiliti dan kemudahan Cawangan Rigger 21 Kdo yang menyediakan latihan kemahiran berkaitan payung terjun.
3. Di akhir lawatan, Timbalan Menteri Pertahanan mengambil peluang **menyantuni warga GGK, menyampaikan sumbangan kebajikan kepada anggota dan keluarga sakit kronik serta menyerahkan sumbangan kepada Masjid Al-Firdaus**. Terdahulu, YB Timbalan Menteri Pertahanan berkesempatan **meninjau projek naik taraf sistem retikulasi air Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT)** yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) bagi menangani isu bekalan air di tiga buah RKAT melibatkan RKAT Desa Tun Razak, Desa Ria Tangga Batu dan Desa Taming Sari 1 & 2 dengan kos keseluruhan berjumlah **RM13.5 juta**. Ia merangkumi kerja-kerja menaik taraf sistem retikulasi sedia ada untuk menjamin bekalan air yang selamat dan mencukupi.
4. PULPAK adalah merupakan pusat latihan elit Tentera Darat Malaysia (TDM) yang bertanggungjawab melatih anggota tentera khususnya komando dari GGK Tentera Darat Malaysia. Ia memberi tumpuan kepada kepakaran taktikal dan ketepatan tinggi serta keupayaan melaksanakan operasi khas dan peperangan khusus pelbagai dimensi.
5. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada komitmen Kementerian Pertahanan dalam memperkukuh ekosistem kesejahteraan warga ATM serta keluarga mereka. Projek ini selaras dengan aspirasi Kem MADANI yang menekankan aspek keamanan, kesejahteraan dan ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup warga ATM.
6. Hadir sama, Panglima 21 GGK; Mejar Jeneral Dato' Ahmad Shuhaimi bin Mat Wajab, Pegawai Memerintah 93 Unit Perkhidmatan Kejuruteraan Angkatan Tentera (UPKAT); Kolonel Insinyur Azharie Effendy, Komandan PULPAK; Kolonel Nordin bin Abu, Pegawai Staf 1 Logistik Divisyen Ke-3 Infantri Malaysia; Leftenan Kolonel Mohd Hanizan bin Hashim dan seluruh warga GGK Kem Sungai Udang.

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**